

Article Info:

Received Date: 5 July 2018

Accepted Date: 15 July 2018

Corresponding Author:

zainuddin@fskik.upsi.edu.my

Kesedaran Islāmik dalam Pengkaryaan Visual 3-Dimensi

Islāmic Awareness in 3-Dimensional Visual Works

Zainuddin Abindinhazir

Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

zainuddin@fskik.upsi.edu.my

Abstrak

Seni tampak berperanan besar dalam kehidupan manusia. Cakupan kepentingan seni tampak kepada manusia, merangkumi keperluan asasi sehingga kepada keperluan sampingan yang melibatkan objek-objek estetik 2-dimensi dan 3-dimensi. Memenuhi kedua-dua aspek ini tentunya melibatkan persoalan-persoalan tentang keterbatasan seni dalam konteks kebudayaan dan agama. Budaya adalah ikutan tradisi sementara Islām adalah agama. Individu Muslim dituntut memahami batas-batas sempadan dan larangan yang berhubungkait dengan seni dan penghasilannya. Kesedaran terhadap objek-objek seni terutama yang bersifat 3-dimensi dalam landasan Islām wajib difahami. Aspek-aspek kontekstual dengan kesedaran Islāmik yang melibatkan idea, proses dan bentuk penting sebagai panduan kepada seniman, penghayat dan kolektor Muslim dalam menghasil atau menikmati keindahan seni. Makalah ini adalah usaha kecil dalam menyebarkan pengetahuan tentang kesedaran Islām dalam pengkaryaan visual, khususnya 3-dimensi. Ia diusahakan melalui penelitian diskriptif bersumberkan Al-Qur'ân & Al-Hadith, dan diuraikan bersama tiga sampel imej visual arca moden sezaman.

Kata kunci: Arca, Seni Islām

Abstract

Visual Art plays a big role in human life. The realm of visual artistic importance to human beings, is covering a basic need up to the lateral requirements involving 2-dimensional and 3-dimensional objects. Meeting both aspects of this need, it certainly involves questions about the limitations of art in the context of culture and religion. Culture is a tradition while Islām is a religion. Individual Muslims are required to understand the limits of boundaries and prohibitions that relate to art and its creation. The awareness of art objects, especially 3-dimensional form in the spirit of Islāmic platforms, must be understood. Contextual aspects of Islāmic awareness that involve ideas, processes and form are important as a guide to Muslim artists, connoisseurs and collectors in producing or enjoying the beauty of art. This paper is a small effort in spreading knowledge about Islāmic awareness in visual work, especially 3-dimensional art. It is undertaken through descriptive research based on the Al-Qur'ân & Al-Hadith, and described with three sample visual images of contemporary modern sculpture.


Keywords: Sculpture, Islāmic Art

PENGENALAN

Arca (*al-thimsal*) sering kali diertikan sebagai patung (*al-tamāthil*), sedangkan dalam perkataan patung itu sendiri terkandung pengertian dan tafsiran yang berbeza. Item-item seperti berhala, monumen, tugu, anak patung, boneka, wayang kulit, ‘orang-orangan’ di sawah, ukiran kayu orang asli dan lain-lain yang tiada dalam perbendaharaan kata tempatan, seperti *torso*, *effigy*, *simulacrum*, *statuette* dan *mannequin* yang dipakaikan baju di pasar raya adalah seperti dengan patung. Sebahagian binaan dari struktur arkitektur juga turut diklasifikasi bersama konsep arca atau patung. Malahan sebahagian ornamen dan barang utiliti seperti batu bersurat, batu nesan, kepala perahu (Zakaria Ali (1994) dan Baharudin Mohamad Arus (2000) dan hulu senjata tradisi¹ dibayangi oleh konsep yang sinonim. Rangkuman dan pengadunan pelbagai entiti ke dalam satu maksud mewujudkan kesamaran, kekeliruan dan perbezaan fahaman. Kesamaran maksud mendatangkan tanggapan yang berbeza pula kepada setiap kebudayaan.

Reka bentuk Penyelidikan dan Metodologi

Makalah ini diusahakan secara diskriptif melalui dua pendekatan penelitian iaitu kajian dan analisis diskriptif. Sumber-sumber rujukan adalah berasaskan Al-Qur’ân dan Al-Hadith dengan sokongan-sokongan literasi dan sampel-sampel visual karya-karya 3-dimensi yang terpilih. Rajah 1 di bawah menjelaskan prosidur penulisan yang dijalankan.



Rajah 1: Kerangka Operasi Kajian

Kesedaran Islām dalam Pengkaryaan Visual 3-Dimensi Melalui Penghayatan Al-Quran

Qur'an berasal dari bahasa Arab iaitu *Qara'a*, bermaksud menghimpun dan menyatukan. Manakala perkataan jamaknya, *Qira'ah* bererti menghimpun huruf-huruf dan perkataan-perkataan dengan tertib susunan yang rapi. Ia juga membawa maksud “bacaan” sebagai masdar/perbuatan dari kata *qara'a*.

Hal ini difirmankan oleh Allah ﷺ yang bermaksud:

....“Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya (di dadamu) dan (membuatmu pandai) membacanya. Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu”... (QS: Al Qiyamah, 75:17-18).

Dari sudut istilah, Subhi Al-Salih (1988) mendefinisikan Al-Qur'an sebagai Kalamullah yang merupakan mu'jizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ. Al-Qur'an disampaikan kepada kita secara mutawatir (berurutan), dan dijadikan amalan membacanya sebagai ibadah.

Muhammad 'Ali Ash-Shabuni (2011) menegaskan bahawa Al-Qur'an adalah firman Allah ﷺ yang tiada tandingannya. Ia diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ melalui perantaraan Malaikat Jibril ﷺ. Pada awalnya Al-Qur'an ditulis pada mushaf-mushaf yang kemudian disampaikan secara mutawatir. Membaca dan mempelajarinya merupakan ibadah

kepada umat Islam. Kitab Al-Qur'an mengandungi 114 surah yang dimulai dengan surah Al-Fatiyah dan diakhiri dengan surah An-Nas.

Al-Qur'an dibahasakan oleh Allah ﷺ dengan pelbagai panggilan iaitu *Al Kitab*, *Al Haq*, *Al Huda*, *Mau'idhoh*, *Al-Bayan*, *An-Nur*, *Kalam*, *Al-Hukm*, *Al-Balagh*, *Adz-Dzikr*, *Busyro*, *Al-Qur'an*, *Hikmah*, *Ar-Rahmah*, *Asy Syifa*, *Al-Furqan*, *At-Tanzil*, *Al-Qaul*, *Ruh* dan *Al-Basha'ir*². Di dalamnya terkandung segala hukum dan peraturan bagi kehidupan manusia. Al-Qur'an ada memperihalkan hal-hal dan hukum berkaitan gambar dan bentuk. Gambaran-gambaran tentang bentuk ini melibatkan sebahagian ciptaan Allah ﷺ yang sangat indah khususnya tentang kehidupan, terutamanya bentuk manusia itu sendiri. Kebesaran dan Keagungan Allah ﷺ sebagai Maha Pencipta bentuk, diceritakan di banyak tempat dalam Al-Qur'an³. Terdapat dua tempat yang jelas menyebutkan tentang patung.

Dalam surah Al-'Anbyā', Allah ﷺ menerangkan kata-kata Nabi Ibrahim ﷺ sewaktu menentang perbuatan kaumnya yang mendirikan patung-patung sebagai berhala untuk disembah. Ayat ini diturunkan Allah ﷺ dalam bentuk hinaan kepada penyembah berhala dengan berfirman;

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَا هَذِهِ الْتَّمَاثِيلُ الَّتِي أَنْتُمْ لَهَا عَنِّكُفُونَ
٥٢
قَالُوا وَجَدْنَا إِلَيْهِ أَبَاهَنَا هَذَا عَبْدُ رَبِّنَا فَلَمَّا سَمِعُوا ذَلِكَ عَجَزُوكُمْ
٥٣

Maksudnya: “(Ingatlah) Ketika Ibrahim berkata kepada bapa dan kaumnya: “Patung-patung apakah ini yang kamu tekun menyembah kepadanya”. Mereka menjawab: “Kami mendapati bapa-bapa kami menyembahnya.”

[QS: Al-'Anbyā'(The Prophets); 21:52-53]. (Al-Qur'an, 326)

Dalam Surah Saba', Allah ﷺ menceritakan nikmat-nikmat yang dikurniakan kepada Nabi Sulaiman ﷺ dengan keupayaan menguasai angin dan memerintahkan jin-jin untuk berkerja dibawah arahannya. Firman Allah ﷺ;

يَعْمَلُونَ لَهُ مَا يَشَاءُ مِنْ مَحَرِّبٍ وَتَمَاثِيلَ وَحِفَانِ كَالْجَوَابِ وَقُدُورٍ
رَاسِيَتٍ أَعْمَلُوا إِلَيْهِ أَدْوَدَ شُكْرًا وَقَلِيلٌ مِنْ عِبَادِيَ اللَّهِ كُوْرٌ
١٢

Maksudnya: “Mereka itu (jin-jin) mengerjakan apa yang dikehendaki oleh Sulaiman, seperti binaan-binaan bangunan, patung-patung (*tamāthil*), piring-piring (besar) seperti kolam dan periuk-periuk yang tetap (di tungkunya). Beramallah kamu wahai keluarga Daud dan bersyukurlah.”.”

[QS: Saba'(Sheba); 34:13]. (Al-Qur'an: 429)

Terdapat tafsiran-tafsiran yang pelbagai di sebalik perkataan *al-tamāthil* ini. Muhammad Abdul Jabbar Beg (1977, ms.43) telah merakamkan beberapa pendapat pemikir terdahulu mengenai makna tamāthil. Antaranya, Al-Naysaburi (Muhammad Mahdi Al Sharif, 2005) mengatakan bahawa tamāthil adalah representasi (*suwar~imajan*) para malaikat dan nabi-nabi, yang diperintahkan untuk dibina daripada bahan gangsa (*nuhas*), kaca dan marmar dan ditempatkan di ruang ibadat (masjid) supaya dilihat oleh masyarakat, dan beribadah mengikut adat mereka. Al-Alusi mengatakan bahawa tamāthil itu ialah representasi pokok atau haiwan tanpa kepala yang dibenarkan oleh undang-undang agama. Tiada keperluan untuk membahaskan

perkataan tamāthil apabila undang-undang agama tidak melarang representasi haiwan dalam bentuk yang tidak lengkap. Abu Jaafar Al-Nahas dan Makki berpendapat hukum ini (merujuk surah *Saba'*~34:13) tidak dinasakhkan (dibatalkan) (Yusuf Al-Qardawi, 1999, ms.90). Makki berkata sesetengah orang menyokong untuk membenarkan representasi melalui ayat-ayat yang dikemukakan ini. Takwil-takwil ini dibuat dengan tujuan mengharuskan pembuatan gambar dan patung, dengan fahaman yang bertentangan.

Islām menyeru manusia kearah menyintai keindahan, maka ia membenarkan perasaan diterjemah ke dalam bentuk seni yang indah (Yusuf Al-Qardawi, 1999, ms.14). Hukum-hukum kesenian dipatuhi bersandarkan Al-Qur'ân, di samping pengucapan (*tradition/ 'al-hâdîth*), berdasarkan situasi dan insiden yang berlaku sepanjang episod perjuangan Nabi Muhammad ﷺ mengembangkan syariat Islām. Tindakan, hujahan dan reaksi baginda Nabi Muhammad ﷺ menjadi rujukan, amalan, pegangan dan dasar peraturan bagi setiap perlakuan seni bagi setiap insan yang mengaku beriman kepada Allah ﷺ dan Rasulnya.

Meneliti persoalan berkaitan, menjumpai sejumlah hadith-hadith yang menegah dan mengeji penghasilan imajan dan pembuatnya dengan amaran-amaran azab yang keras. Berikut adalah sebahagian sabda Nabi Muhammad ﷺ yang menyatakan larangan-larangan tersebut.

“Orang-orang yang paling berat siksaannya pada hari kiamat adalah orang yang membuat (menyerupai) makhluk Allah.” ~ HS: Riwayat Aisyah ﷺ (Hadith no. 997~ Shahih Al-Jami’ Ash-Syaghîr). Mohd. Nasharuddin Al-Bani (2004, ms.449).

“Orang-orang yang paling berat siksaannya pada hari kiamat adalah para pelukis\pembuat (gambar) makhluk hidup. Dikatakan kepada mereka kelak: “Hidupkanlah apa yang kamu buat.” ~HS: Riwayat Ibnu Umar (Hadith no. 999~ Shahih Al-Jami’ Ash-Syaghîr) Dr. Muhammad Muhsin Khan (1997, ms.282, 283).

“Tidakkah kamu tahu bahawa malaikat tidak akan masuk ke rumah yang di dalamnya terdapat gambar makhluk hidup, dan orang yang menggambarkan makhluk hidup akan disiksa pada hari kiamat, di mana dikatakan kepadanya: “Hidupkanlah apa yang kamu buat.” ~HS: Riwayat Aisyah ﷺ (Hadith no. 1330~ Shahih Al-Jami’ Ash-Syaghîr; Abū Talha, Busr bin Said, Hadith no. 3224, 3225, 3226~ The Translation of the Meanings of Sahîh Al-Bukhâri). Dr. Muhammad Muhsin Khan (1997, ms.555).

Dari Bisir bin Said, dari Zaid bin Khalid, dari Abū Talha, Rasulullah ﷺ telah bersabda:

“Malaikat (rahmat) tidak akan masuk rumah yang didalamnya ada gambar.” ~HS: Riwayat ‘Aishah ﷺ (Hadith no. 5957) and Riwayat Muslim (Hadith no. 5958 dalam *The Translation of the Meanings of Sahîh Al-Bukhâri*). (Dr. Muhammad Muhsin Khan (1997, ms. 441, 442, 443).

Menghayati pengajaran yang terkandung dalam hadith-hadith yang melibatkan permasalahan pembuatan dan peragaan (*display*) imajan, mendapati segala tegahan, pengharaman dan azab yang dijanjikan, bukanlah tidak mempunyai sebab dan tujuan. Sebaliknya, hukum syarak begitu teliti dalam menjaga kepentingan dan tujuan-tujuan seni agar tidak menyeleweng dari landasan akidah yang boleh merosakkan umat.

Sebahagian imajan (arca dan gambar) dihasilkan dengan tujuan memuliakannya. Pemuliaan ini mempunyai tahap yang berbeza-beza, sehingga mencapai tahap mengagungkan dan dijadikan objek pemujaan dan penyembahan. Sejarah penyembahan berhala membuktikan ia dimulakan dengan hanya membuat gambar kenangan, kemudian ia diukir dan berakhir dengan penyembahan (Muhammad Abdul Jabbar Beg, 1977, ms.74). Kisah ini disebutkan oleh Allah ﷺ dalam Al-Qur’ân;

وَقَالُوا لَا نَدْرُنَّ إِلَهَكُمْ وَلَا نَذْرُنَّ وَدًا وَلَا سُواعًا وَلَا يَغُوثَ وَيَعُوقَ وَنَسْرًا

Maksudnya: "Dan mereka berkata: "Jangan sekali-kali kamu meninggalkan (penyembahan) tuhan-tuhan kamu, dan jangan pula kamu tinggalkan Wadd, Suwa', Yaghuth, Ya'uq dan Nasr." "

[QS: Nūh (Noah); 71:23] (Al-Qur'ân; 571)

Wadd adalah nama tuhan kepunyaan kaum Kalb di Dawmat al-Jandal. Suwa adalah tuhan milik Hudhayl, Yaghuth tuhan milik Muraad dan Bani Ghutayf di al-Jawf, berhampiran Sabaa'. Ya'uq milik Hamadaan dan Nasr milik Humayr dari Aal Dhi'l-Kalaa'. Wadd, Suwa', Yaghuth, Ya'uq dan Nasr adalah nama tuhan daripada patung-patung berhala yang terbesar bagi umat Nabi Nuh ﷺ. Mereka asalnya adalah dalam kalangan orang lelaki soleh, yang sebelumnya menjadi pemimpin kaum-kaum tersebut. Lama setelah kematian mereka, para pengikutnya telah diilhamkan syaitan supaya membina patung dengan nama-nama mereka untuk diletakkan dalam majlis-majlis tertentu. Setelah generasi kedua ini mati, maka ia disembah oleh generasi selanjutnya.

Ibn al-Qayyim menegaskan terdapat lebih daripada seorang ulama salaf⁴ menceritakan bahawa:

"Apabila mereka meninggal dunia, kuburan mereka sering dikunjungi, mereka (para pengikut) membuat patung-patung, dan apabila masa berlalu, mereka mula menyembah." (Fath al-Majeed Sharh Kitaab al-Tauhid oleh Abd al-Rahman ibn Hasan). Sheikh Muhammed Salih Al-Munajjid (2012).

Antara ayat-ayat Al-Qur'ân yang menyatakan tentang orang-orang musyrik dan berhala sembahannya mereka, disebutkan dalam Surah Al-'A'râf; 07:148, Surah Tâhâ; 20:88, Surah Al-'Anbyâ'; 21:58, Surah As-Sâffât; 37: 22 & 161, Surah Az-Zukhruf; 43:57&58, Surah Al-Jâthiyah; 45:10, dan Surah Al-Kâfirûn; 109:02. (Mahmud Yunus, 1973, ms. 234, 459, 474, 657, 666, 729, 739, 921).

Antara hikmah-hikmah diharamkan patung adalah:

- i. Supaya tiada usaha atau cubaan-cubaan untuk menandingi atau menghasilkan sesuatu seperti mana ciptaan Allah ﷺ
- ii. Untuk membela kemurnian Tauhid, supaya tidak menyamai tingkah laku (perbuatan syirik) orang-orang musyrik menyembah berhala yang diusahakan oleh tangan mereka sendiri
- iii. Menjauhi perasaan riak, dan bangga bersama binaannya, seolah-olah dapat menciptakan sesuatu yang belum ada atau menciptakan sesuatu yang baru
- iv. Memahami kebebasan berkarya agar tidak melampaui batas-batas kandungan dan pemilihan subjek, dengan menjauhi dari melukis\mengukir figura-figura bogel atau imej-imej yang prinsipnya tidak diterima oleh Islâm
- v. Patung-patung dan gambar-gambar merupakan objek kemegahan bagi orang-orang yang berlebih-lebihan, dan disimpan di dalam rumah untuk diagungkan
- vi. Menjauhi budaya mengabadikan tokoh-tokoh pemimpin dalam bentuk patung sebagai peringatan kepada generasi berikutnya terhadap jasa-jasa yang disumbangkan dan keunggulan yang pernah dicapai

- vii. Rumah-rumah yang ada menyimpan patung / gambar tidak akan dimasuki Malaikat (pembawa rahmat).

Menjelaskan prinsip kesederhanaan, Islām tidak mengamalkan sikap berlebih-lebihan dalam kehidupan termasuk memegahkan harta benda dan menghargai seseorang yang hidup atau mati, walau setinggi mana pun kedudukan dan darjah individu tersebut. Tiada sekeping pun gambar Nabi Muhammad ﷺ yang dibenarkan untuk dirakam, sebaliknya keagungan dan kemuliaan Baginda diperturunkan kepada generasi seterusnya melalui sirah yang sahih naratifnya. Nabi Mohammad ﷺ bersabda:

“Janganlah kamu menghormati aku, seperti orang-orang Nasrani menghormati Isa bin Maryam, tetapi katakanlah bahawa Muhammad itu adalah hamba Allah dan Rasulnya.” ~(HS: Riwayat Bukhari)

“Ya, Allah! Janganlah Engkau jadikan kuburku sebagai berhala yang disembah”. ~(HS: Riwayat Malik)

Walaupun terdapat larangan-larangan keras berkaitan imajan, namun terdapat ruksyah (keringanan) berdasarkan kepentingan-kepentingan tertentu, terutamanya melibatkan permainan kanak-kanak yang terdiri dari aneka ragam patung manusia dan haiwan. Merujuk kepada perkara ini, telah diceritakan oleh Aisyah ؓ, bahawa:

“Sesungguhnya Rasulullah ﷺ pernah bertanya: Apa ini? Jawab Aisyah: “Ini boneka ku (patung perempuan made of wool); Rasulullah bertanya lagi: “Apa yang ditengahnya itu?” Jawab Aisyah: “Kuda”. Rasulullah bertanya lagi: “Apa yang diatasnya itu?” Jawab Aisyah: “Itu dua sayapnya”. Rasulullah berkata: “Apa ada kuda yang bersayap?” Lalu dijawab Aisyah: “Belumkah Engkau mendengar, bahawa Sulaiman bin Daud ؓ memiliki kuda dengan beberapa sayap?”. Kemudian Rasulullah ketawa sehingga nampak gigi gerahamnya.” ~HS: Riwayat Abu Daud (Hadith-hadith lain yang berkaitan turut diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim). Yusuf Al-Qardhawi (1993, ms.84).

Mendalam lanjut hadith di atas, Shaykh Ibn ‘Uthaymeen (Majmoo’ Fataawa, 2012) mengatakan bahawa patung tersebut merujuk kepada bentuk yang tidak jelas dan tidak lengkap, dengan hanya sebahagian anggota badan atau kepala. Dengan itu, tidak ada keraguan bahawa anak patung seperti yang Aisyah ؓ gunakan untuk bermain adalah dibenarkan. Al-Bukhari mengatakan bahawa bermain dengan anak patung dan imejan adalah dilarang. Ia dibenarkan pada masa itu, kerana Aishah ؓ adalah seorang anak gadis yang belum mencapai usia baligh (Muhammad Muhsin Khan, 1997). Umumnya, kenyataan ini membenarkan bagi pihak kanak-kanak, dan tidak untuk orang-orang dewasa.

Wujud pula pertindihan pendapat, jika bentuk dibuat dengan sempurna seperti manusia/haiwan terutamanya yang boleh bergerak atau bercakap\bersuara. Timbul keraguan untuk membenarkannya kerana peniruan lengkap dan sempurna dari ciptaan Allah ﷺ, sedangkan anak patung yang digunakan Aisyah tidak sepertimana hari ini. Untuk menghukumkannya sebagai haram juga tidak pasti, kerana terdapat konsesi yang diberikan kepada kanak-kanak. Ia adalah normal bagi setiap kanak-kanak untuk bermain dan berseronok. Dalam usia yang muda, mereka terkecuali dari melakukan perbuatan memuliakan atau penyembahan, sebaliknya patung-patung tersebut dihinakan dengan dicampak ke serata tempat sesuka hati.

Selain patung-patung permainan, kelonggaran ini turut dibenarkan bagi tujuan pendidikan terutamanya melibatkan bidang sains biologi dan perubatan. Terdapat ijmak dalam perbincangan berkaitan prinsip-prinsip fiqh, yang membenarkan perkara-perkara yang dilarang. Keadaan sesuatu hukum boleh berubah, dari yang bersifat larangan kepada keizinan dengan adanya

tuntutan yang benar. Situasi ini tertakluk kepada keperluan khusus bagi melindungi kepentingan Islām terhadap salah satu daripada lima perkara pokok, iaitu; agama, nyawa, kehormatan, kekayaan dan kesihatan fizikal. Perubatan merupakan bidang sains yang sangat diperlukan dalam kehidupan, sehingga ijihad ulama memutuskan bahawa ia adalah kewajipan bagi setiap kaum. Ini bermakna beberapa perkara-perkara yang pada asasnya dilarang, boleh dibenarkan bertujuan untuk memenuhi keperluan umum. Imam Al-Nawawi dalam Rawdat al-Taalibeen (Muhammad Al-Munajjid, 2012) mengatakan:

“Berhubung dengan sains seperti perubatan, ia merupakan suatu kewajipan ke atas sebahagian daripada mereka.”

Keterangan-keterangan di atas menjelaskan pendirian Islām terhadap imajan bertubuh, yang dikenali sebagai patung atau monumen. Lain-lain objek tiga-dimensi yang mempunyai ciri-ciri yang sama adalah tergolong dalam kategori ini. Bagaimanakah pula kedudukan hukum terhadap arca-arca moden (*tajseem* / menjisimkan) dan kontemporari, imej-imej relief, lukisan-lukisan seni pada lembaran kanvas, kertas, fabrik, dinding dan sebagainya? Secara literal (harfiahnya), terdapat bentuk-bentuk yang tidak menepati secara spesifik mana-mana bahagian dari 5 kepentingan yang disebut di atas.

Menjawab persoalan ini Yusuf Qardawi (1993, ms.85) mengatakan bahawa hukumnya tidak jelas, kerana ia memerlukan pelbagai pertimbangan. Imajan tersebut perlu dirujuk bagi memastikan tujuan pembuatannya, niat pembuatnya, di mana lokasinya dan bagaimana ia diperbuat. Sekiranya imajan tersebut menyerupai sesuatu yang disembah selain Allah, bertujuan menyiarkan kekufturan dan kesesatan, maka hukumnya adalah haram. Seniman yang menghasilkan imajan tentang sesuatu yang disembah selain Allah, sedangkan dia mengetahui dan sengaja, maka dia tergolong dalam golongan orang yang kufur. Tetapi sekiranya tiada tujuan seperti yang disebutkan, maka dia tergolong dalam kalangan orang berdosa atas sebab menghasilkan imajan yang berkaitan. Allah berfirman:

وَلَا نَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ، عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادُ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عِنْهُ مَسْتَحْلِلاً ﴿١٧﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya (dan dipertanggunjgjawabkan) tentang apa yang dilakukannya.”

[Surah Al-‘Isrā’ (*The Night Journey*); 17:36]

Patung dalam pemahaman lazim merujuk kepada representasi bentukan 3-dimensi berdasarkan imajan, karektor atau figura manusia/haiwan dengan kesempurnaan salinan ciri-ciri fizikal yang ketara. Duplikasi ini dikonstruksikan dalam pelbagai saiz dan medium untuk tujuan-tujuan penyembahan, mendewakan, penghargaan, penghormatan atau pengiktirafan kepada jasa, sumbangan atau kekuasaan seseorang. Selain manusia, imej-imej binatang turut mendapat perhatian. Pengertian ini menepati hakikat maknawi *al-tamathil* atau patung dalam kefahaman Islām.

Seniman yang menghasilkan imajan atau arca yang bukan patung-patung untuk sembah, tetapi dengan maksud menandingi ciptaan Allah ﷺ, dengan anggapan-anggapan bahawa dia mampu membuat atau menciptakan sesuatu yang sama seperti atau yang baru dari ciptaan Allah ﷺ, boleh menjelaskan pegangan aqidah. Seniman yang berpendirian seperti ini jelas telah terkeluar dari agama Tauhid. Hadith-hadith berikut memberikan peringatan yang tepat:

“Sesungguhnya orang yang paling berat siksaannya adalah orang-orang yang menandingi ciptaan Allah”. ~HS. Riwayat Bukhari dan Muslim. Yusuf Qardawi (1993, ms.80)

“Sesungguhnya Allah mencipta semua tukang-tukang (pembuat) dan pembuatannya”.
~HS. Riwayat Al-Bukhari, Ibnu Abi ‘Ashim, Ibnu Majjah, Ibnu ‘Adiy, Al-Hakim, Al-Baihaqi, Al-Muhamili dan Ad-Dailami. Abdul Ghani Azmi Haji Idris (2009, ms.113)

Selain imej-imej figura, makhluk-makluk tidak bernyawa seperti gunung, matahari, bulan, bintang, laut, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya, tidak ada kesalahan padanya. Para ulama tidak bercanggah pendapat tentang subjek-subjek yang sedemikian. Sungguhpun demikian, Yusuf Qardawi (1993) berpendapat bahawa imej-imej bernyawa yang tidak mempunyai unsur-unsur larangan, tidak untuk diagung-agungkan, disucikan dan dikuduskan, tidaklah haram. Menghurai lanjut, beliau mengatakan pendapat-pendapat dalam kalangan jumhur ulama dalam membicarakan persoalan tentang imajan adakalanya berbeza, kerana merujuk keadaan-keadaan yang berbeza (ms.87). Mendalaminya secara halus memerlukan ruang dan kajian yang serius mengenainya. Zaman mutakhir ini umat Islām menyaksikan perselisihan dalam banyak keadaan. Satu-satunya jalan yang menyarankan keselamatan hakiki adalah dengan mentaati Al-Qur’ân dan Sunnah. Rasulullah ﷺ bersabda:

“Sesungguhnya, sesiapa di antara kamu yang hidup selepas aku, maka ia akan melihat perselisihan yang banyak. Kerana itu, wajib bagi kamu berpegang teguh dengan sunnahku, dan sunnah Al-Khulafa’ Ar-Rasyidin yang mendapat petunjuk sesudahku, berpeganglah erat-erat dengannya dan gigitlah ia dengan gigi-gigi geraham...”

~HS: Riwayat Ahmad, Abu Dawud, At-Tirmidzi, Ad-Darimi, Ibnu Majah, Dzahabi Hakim dan Al ‘Irbadh bin Sariyah. Lihat Irwa’ul Ghilil, hadith no. 2455 dan Syaikh Al-Albani dalam Shahih Al jami’ no. 2549).

Dilema bagi seniman Muslim kontemporari adalah berhadapan dengan cabaran-cabaran modernisasi. Komplikasi ini menjadi ketara dalam kebudayaan dan sistem kepercayaan Islām kerana matlamat dan pengertian terma-terma kesenian barat adalah asing dari kesenian Islām. Fahaman seni yang stabil mengikut idea-idea barat disokong makna dan matlamatnya oleh penganut agama budaya. Melalui institusi pendidikan, adaptasi kefahaman merangkumi aspek-aspek fundamental, ideologi dan formalistik daripada seni moden Barat, mendorong pembentukkan gaya fikir dan konsep-konsep seni yang dibayangi pemikiran Barat. Situasi ini meletakkan seniman Islām diperantaraan antara kekeliruan dan kesamaran dalam menatari arus seni moden dan kontemporari. Wujud pertentangan pemikiran dan konflik dalam antara kepercayaan dan dorongan sezaman. Karya-karya arca bercirikan figuratif oleh Bayu Otomo Rajikin (1991), Raja Shariman (2004) dan Zainuddin (2007). Dalam hal ini Zakaria Ali (2009, ms.8) mengatakan, pengarca Mat Ali Mat Som (2009) dengan siri arca “Dendam Tak Sudah” dan “Kekuda” (2014), mungkin menjelak laluan yang telah dipelopori oleh seniman terdahulu, dengan berteraskan sandaran bahawa bentuk-bentuk itu seakan manusia, kelihatan seperti manusia, tetapi bukan manusia.



Tahun: 1991. Media: Besi dan media campuran. Dimensi: 65.2 x 110 x 89cm.
 Sumber imej: Ehsan daripada Gallery Tuanku Nur Zahirah, UiTM, Shah Alam

Gambar 1: ‘Bujang Berani’ oleh Bayu Otomo Radjikin



Tahun:2004. Media: Besi Dimensi: 46 x 26 x 28cm
 Sumber imej: Ehsan daripada Balai Seni Lukis Negara, Kuala Lumpur.

Gambar 2: Arca ‘Nafas No.36’ oleh Raja Shahriman Raja Aziddin



Tahun: 2007. Media: Besi. Dimensi: 121.92 x 31.75 cm.
 Sumber imej: Zainuddin Abindinhazir,
<https://www.facebook.com/photo.php?fbid=2340193907240&set>

Gambar 3:‘ Arca ‘Ayam Kampung’(Ayam Series) oleh Zainuddin Abindinhazir

Peraturan-peraturan dalam penggayaan atau persesembahan seni 3-dimensi dan 2-dimensi mempunyai perkaitan yang rapat. Tafsiran seakan umum (*Mutasyaabihaa*)⁵ tanpa spesifikasi jelas terhadap karektor bentuk mujarrad dan separa-mujarrad dalam penentuan halal dan haram hadir bersama kesamaran andaian boleh atau tidak boleh. Ia saling dirujuk dalam silangan antara satu sama lain dalam menyatakan hukum, kecuali ketetapan yang jelas lagi nyata (*Muhkamaat*)⁶ terhadap tegahan binaan patung sembahana dan ilustrasi imajan atau gambar yang mewakili manusia dan lain-lain makhluk bernyawa yang lengkap keadaan fizikalnya. Namun begitu, dalam situasi tertentu, imej atau gambar dibenarkan penggunaannya. Ruang ini seolah memberi peluang kepada seniman untuk meneroka bentukan seni mengikut penghayatan dan kefahaman individualisma yang berbeza. Berhubung dengan kejelasan ayat-ayat Al-Qur’ân, Allah ﷺ telah berfirman:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَبَ مِنْهُ إِنَّمَا تَنْهَىٰنَتْ هُنَّ أُمَّ الْكِتَبِ وَآخَرُ مُتَشَبِّهِنَّ
 فَإِنَّمَا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَرْعٌ فَيَنْتَهُونَ مَا تَشَبَّهُ مِنْهُ أَبْتِغَاهُ الْفَتْنَةَ وَأَبْتِغَاهُ تَأْوِيلَهُ
 وَمَا يَعْلَمُ تَأْوِيلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَالرَّسُولُ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُرِيكُمُ اللَّهُ كُلُّ مَنْ عِنْدَ رِبِّنَا
 وَمَا يَذَكُرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Maksudnya: “Dialah yang menurunkan Kitab Al-Qur’ân kepadamu (wahai Muhammad), diantaranya ada at-ayat ‘Muhkamaat’; ayat-ayat itu ialah isi (ibu) Al-Qur’ân dan yang lain adalah ayat-ayat ‘Mutasyaabihaa’, dan orang-orang yang cenderung hatinya (kepada yang batil), maka diikutnya yang Mutasyaabihaa untuk menimbulkan fitnah dan mencari-cari takwilnya, dan tiada yang mengetahui takwilnya kecuali Allah; Orang yang tinggi pengetahuannya berkata: “Kami beriman kepada ayat-ayat Mutasyaabihaa, semuanya itu dari sisi Tuhan kami.” Dan tidaklah menerima pengajaran melainkan orang-orang yang berakal.”

[QS: ‘Āli ‘Imrān (Family of Imran); 03:07]. (Mahmud Yunus, 1973: 68).

Menerima Islām dengan kalimah syahadah⁷ bererti menerima seluruhnya ajaran dan peraturan dari kalamullah iaitu Al-Qur’ân dan Al-Hādīth. Tidak ada konsep keimanan dan

kebenaran dengan mengambil sebahagian yang dirasakan sesuai dan menolak sebahagian lain yang tidak sesuai. Atau lebih buruk, memanipulasi surah dan sunnah sebagai penyesuaian bagi menepati naluri ekspresi artistik. Firman Allah ﷺ;

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ الْكِتَابِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ

Maksudnya: “Adakah kamu beriman dengan sebahagian Kitab dan kufur dengan sebahagian yang lain.”

[QS: Surah Al-Baqarah (*The Cow*); 2:85]. (Al-Qur’ân: 2012).

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَانُوا ادْخُلُوهُ فِي الْسِّلَامِ كَافَّةً...

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islām secara keseluruhannya,...”

[QS: Surah Al-Baqarah (*The Cow*); 2:208]. (Al-Qur’ân: 2012).

Era tamadun berteknologi tinggi dengan pelbagai ideologi seperti pluralisma, anarkisma, sosialisma, kapitalisma dan liberalisma telah mengundang dilema dalam penghayatan terhadap kepentingan dan makna patung dan arca. Kecamukan kerana ketidakterbatasan kreativiti bentukan objek-objek seni tampak diperbuat dengan unjuran keterbukaan pemikiran, pengetahuan, kebebasan eksplorasi, gaya persembahan dan kompleksiti pelbagai bahan dengan upaya teknologi yang berbeza berbanding zaman silam. Penghasilan objek figuratif dalam variasi bahantara seperti beraneka aloi logam, gentian plastik, kaca, kayu dan sebagainya. Keupayaan duplikasi sehingga mencapai tahap ‘pengklonan genetik’ dengan terma-terma baru *super realistic*, *higperrealistic* atau *photorealistic sculpture* oleh pengarca-pengarca seperti (sekadar menyebut beberapa nama) Ron Mueck, “*Two Women*” (2007), Evan Penny, “*Re Figured*” (2011), Jamie Salmon “*Desolation*” (2008), Duane Hanson “*Couple with Shopping Bags*” (1976), Sam Jinks “*Woman and Child*” (2010), Carole Feuerman “*Chrysalis*” (2017) dan Adam Beane “*Barack Obama*” (2010) menjelmakan arca-arca realisma yang sukar ditandingi.

Pengarca *higperrealistic* menghasilkan arca yang seolah-olah hidup dalam setiap perincian, dari rambut, mata, urat darah hingga ke romah dan bintik-bintik ruam pada kulit, yang cuma dibezakan hanya dengan ketiadaan roh. Malahan, rambut sebenar turut diimplan sebagai media. Kehalus dan ketelitian pembuatan jauh melepas apa yang dibayangkan daripada arca batu marmar, logam dan kayu hasil kerja tangan pengukir-pengukir tersohor era Renaisans dan Modernisma seperti Donatello (1386-1466), Michelangelo Buonarroti (1475-1564) dan Auguste Rodin (1840-1917).

Dr. Gunther von Hagens pakar anatomi Jerman melakukan inovasi mencipta arca melalui teknik *plastination*, iaitu melalui kaedah pengawetan spesimen tisu biologi (Laist, 2012). Pada tahun 2008 Von Hagens mengundang kontroversi dengan mengadakan beberapa siri pameran *Body Worlds* antaranya *The Mirror of Time*, di *The O2, Bubble Exhibition Space, London, England* (Ticketmaster, 2012). Arca-arca dalam pameran ini merupakan mayat manusia dan binatang dalam keadaan dibedah siasat yang menampakkan keseluruhan isi badan, menunjukkan pelbagai struktur dan sistem anatomi. Melalui kaedah *plastination*, proses penguraian dihentikan dengan mengekstrak semua cecair dan lemak badan, menggantikannya dengan resin dan *elastomer*⁸, kemudian dirawat dengan haba, cahaya dan gas supaya figura kelihatan sejadi. Ketaksubtan pada kesenian anatomi ini, Dr. Gunther bersetuju agar mayatnya kelak diawet sebagai ‘arca’.

KESIMPULAN

Sepintas gambaran dan kenyataan terhadap perkembangan seni arca kontemporari dalam arena seni tempatan dan Barat diabad ke-21, menyaksikan kebebasan akal melewati batas-batas etika dan kewarasan manusia. Norma-norma kemanusiaan sebagai makhluk ciptaan Tuhan seolah terpadam oleh kemandiran minda saintifik dan capaian teknologi. Mendasari lingkungan-lingkungan pluralisme ideologi, orientalisme, sekularisma dan ikonoklasma, maka tinjauan arca dalam perspektif Islām adalah untuk memahami perbezaan-perbezaan konsep dalam manifestasi karya seni arca oleh seniman tempatan dan kaitannya dengan idealisme pendidikan, kebudayaan dan kesannya terhadap Islām.


Penerapan idealisme melalui pendidikan menemukan isma-isma moden seni barat yang pelbagai. Bermula dari fahaman realisma, abstrak, surrealisme, kubisma dan sebagainya memperlihatkan perkembangan gaya-gaya seni dengan konsep-konsep ekspressi dan piuhan bentuk. Merenung ideologi seni dari aspek ini, semuanya kelihatan benar. Sebaliknya, jika diteliti ia adalah satu bentuk jajahan minda oleh orientalis, yang diistilahkan sebagai ghazwul fikri. Ramai yang tidak sedar bahawa secara halus minda Muslim terpengaruh dengan pemikiran dan budaya barat. Umpamanya, gaya surrealisme telah menyasarkan ideologi yang membangunkan idea-idea bawah sedar dengan imaginasi bentuk-bentuk figuratif. Kaedahnya adalah melalui herotan dan cantuman antara spesis-spesis hidupan persis figura-avatar di rumah-rumah ibadat penganut agama budaya. Bentuk-bentuk ini dianggap dan diiktiraf sebagai kreativiti seni yang indah dan dibanggakan, dipamer dan disimpan dirumah-rumah sebagai objek yang bernilai tinggi.

NOTA HUJUNG


¹Tengku Elina Aziddin dalam *Gerak langkah* menyatakan bahawa Raja Shahriman dalam kajiannya telah menemukan persamaan proses di antara petukang kraf hulu keris. Pada awalnya, hulu keris yang asli seperti ‘Jawa Demam’ adalah berunsurkan figuratif. Bentuk-bentuk figuratif ini kemudiannya beransur-ansur mengalami perubahan kepada bentuk seakan burung sepertimana ‘Pekaka’ dan selanjutnya dideformasi kepada bentuk mujarad sepertimana ‘Jawa Demam’ yang kelihatan hari ini. -ms.v.

² Seperti *Al Kitab* (QS: Al-Baqarah, 2; 2), *Al Haq* (QS: Al-Baqarah, 2; 147), *Al Huda* (QS: Al-Baqarah, 2; 185), *Mau' idhoh* (QS: Ali Imran, 3; 138), *Al-Bayan* (QS: Ali Imran, 3; 138), *An-Nur* (QS: An-Nisa', 4; 174), *Kalam* (QS: At-Taubah, 9; 6), *Al-Hukm* (QS: Ra'd, 13; 37), *Al-Balagh* (QS: Ibrahim, 14; 52), *Adz-Dzikr* (QS: Al Hijr, 15; 9), *Busyro* (QS: An-Nahl, 16; 89), *Al-Qur'an* (QS: Al Israa', 17; 9), *Hikmah* (QS: Al Israa', 17; 39), *Ar-Rahmah* (QS: Al-Israa', 17; 82), *Asy Syifa* (QS: Al-Israa, 17; 82), *Al-Furqan* (QS: Al-Furqaan, 25; 1), *At-Tanzil* (QS: Asy-Su'arâ, 26; 192), *Al-Qaul* (QS: Al-Qasas, 28; 51), *Ruh* (QS: Al-Mu'min, 40; 15) dan *Al-Basha'ir* (QS: Al-Jaatsiyah, 45; 20).

³ Allah telah berfirman:



Maksudnya: Dialah yang menggambarkan (membentuk) kamu dalam rahim ibumu sebagaimana yang dikehendakiNya. Tiada Tuhan melainkan Dia, Yang Maha Perkasa lagi Bijaksana. [QS ‘Āli ‘Imrān (Family of Imran); 03:06]



Maksudnya: Dialah Allah yang Menciptakan, yang Mengadakan, yang Maha Membentuk (Memberi rupa), bagiNya nama-nama yang baik. Segala yang di langit dan di bumi bertasbih kepadaNya, dan Dialah yang Maha Perkasa lagi Bijaksana. [QS: Surah Al-Hashr (The Exile); 59:24]

خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِالْحَقِّ وَصَوَرَ كُلَّ فَخْسَنَ صُورَكُمْ وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ

Maksudnya: “Dia yang menjadikan langit dan bumi dengan (tujuan) sebenarnya, dan merupakan bentuk kamu, lalu dicantikkan rupa kamu, dan kepadaNya tempat kembali.” [QS: At-Tagħabun (*The Mutual Disillusion*); 64: 03]

الَّذِي خَلَقَكَ فَسَوَّنَكَ فَعَدَّ لَكَ فِي أَيِّ صُورَةٍ مَا شَاءَ رَبُّكَ

Maksudnya: “Yang telah menciptakan kamu, lalu menyempurnakan kejadian kamu dan menjadikan (susunan tubuh) kamu seimbang. Dia menyusun tubuh kamu menurut apa yang dikehendakiNya.” [QS: Al-‘Infiṭar (*The Cleaving*); 82: 7-8]

⁴ *Salaf* (*Salaf as-Šālih*) adalah tiga generasi Muslim yang terawal dalam kalangan para sahabat, tabi’in dan tabi’ut tabi’in.

⁵ Mutasyaabihaat ~ Ayat-ayat yang mengandungi beberapa pengertian dan tidak jelas maksudnya, kecuali diselidik dengan mendalam. Orang-orang Muslim yang beriman, percaya bahawa semua ayat-ayat yang muhkamat dan mutasyaabihaat itu datangnya dari Allah ﷺ. Mana-mana yang muhkamat akan dipatuhi dan yang mutasyaabihaat diserahkan ketentuan hakikatnya kepada Allah ﷺ.

⁶ Muhkamaat ~ Ayat-ayat yang maksudnya terang, nyata dan tegas, dapat difahami dengan mudah.

⁷ Shahadah adalah teras kalimah tauhid yang menegaskan bahawa tiada Tuhan yang di sembah melainkan Allah semata-mata. Firman Allah ﷺ dalam Surah Ali Imran (03:18).

⁸ (Kimia) Sebarang bahan polimer yang mempunyai sifat elastik seperti getah asli atau sintetik, yang mampu mengekalkan bentuk asal sesuatu bentukan sesudah melalui proses pemampatan (deformation).

RUJUKAN

- Abdul Ghani Azmi Haji Idris. (2009). *Himpunan hadith-hadith shahih*. Jilid 2 (cet. 7). Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Al-Qur’ān. (2012). *Tajwid dan terjemahan beserta asbabun nuzul, hadith saihih dan indeks tematik*. Resam Uthmani. KDN: PQ/Q.1002/2.2/qa/436/70/2012. Selangor: Humaira Bookstore.
- Baharudin Mohamad Arus. (2000). *Seni arca dalam budaya Malaysia dalam dimensi: Arca koleksi Balai Seni Lukis Negara*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- Laist. Body Worlds 3: Science, Art and a Religious Experience.
http://laist.com/2008/03/23/body_worlds_sci.php. Diakses pada 20.9.2012
- Muhammad Mahdi Al Sharif. (2005). *Sahih Muslim. The authentic hadith of Muslim*. Dar Al kotob & Jarir Bookstore. 1st Edition. (Terjemahan)
- Mohd. Nasharuddin Al-Bani. (2004). *Shahih Al-Jami' Ash-Syaghîr*. Buku 1. Indonesia: Al Maktab Al-Islami. (Terjemahan).
- Muhammad Muhsin Khan. (1997). *The translation of the meanings of Sahîh Al-Bukhâri*. Vol 4. Riyadh-Saudi Arabia: DARUS SALAM Publishers & Distributors. (Terjemahan).
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. (1977). *Fine arts in Islamic civilization*. Perpustakaan Negara Malaysia. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Mahmud Yunus. (1973). *Tafsir Qurān Karim; 30 Juz*. Djakarta: P.T. Hidakarya Agung.
- Majmoo’ Fataawa al-Shaykh Muhammad ibn ‘Uthaymeen. *Playing with toys in the shape of people or animals*. <http://islamqa.com/en/ref/23445>. Diakses pada 4/3/2012.
- Sheikh Muhammed Salih Al-Munajjid. *The reason why there is no picture of the prophet*. <http://islamqa.com/en/ref/10452>. Web., 4/3/2012.
- Subhi Salih. (1988). *Mabahith fi 'ulum al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-'Ilmi Wa al-Malayin. (Terjemahan).
- Syaikh Muhammad Ali Ash-Shabuni. (2011). *Tafsir: Shafatut Tafassir karya Syeikh Ali Shobuni*. (Terjemahan) Jakarta Timur: Pustaka AL-Kautsar.
- Tengku Sabri Tengku Ibrahim. Off walls off pedestals: Arca/Sculptures. <http://tsabri.wordpress.com/galeri-pohon-teguh/arca-sculptures/>. Diakses pada 24.02.2018, 5.30pm.

- The Noble Quran. <http://quran.com/34/13>. Diakses pada 24.02.2018, 6.00pm
- Ticketmaster. Dr. Gunther von Hagens: Body Worlds - The Original Exhibition of Real Human Bodies. http://www.ticketmaster.co.uk/feature/body_worlds.html. Diakses pada 21.9.2012 4.08pm.
- Yusuf Al-Qardhawi. (1999). *Seni dalam Islam*. (Terjemahan). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Yusuf Al-Qardhawi. (1993). *Halal dan haram dalam Islam. (Terjemahan)*. Indonesia: PT. Bina Ilmu.
- Yusof Ghani & Raja Shariman. (2006). *Gerak langkah*. Pelita Hati House of Art. Kuala Lumpur: Chan Brothers.
- Zakaria Ali. (2009). *Dendam tak sudah: A solo exhibition by Mat Ali Mat Som*. Metro Fine Art. Kuala Lumpur: Rich-art Advertising.
- Zakaria Ali. (1994). *Islamic art Southeast Asia 830 A.D.-1570 A.D.* Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: DBP.